

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

RMK 454 - Undang-Undang II

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan.

1. Berikan perbezaan tanggungjawab Kontraktor di bawah Borang Kontrak Binaan PAM (dengan kuantiti) daripada Borang Kontrak Rekabentuk dan Membina (Design and Build).

Berikan contoh untuk menjelaskan jawapan anda.

(100 markah)

2. Syarikat ABC ialah Kontraktor Utama untuk pembinaan seblok pangsapuri mewah yang dimiliki oleh Syarikat XYZ. Borang Kontrak Binaan PAM digunakan dalam kes ini. Tarikh penyiapan kerja yang disetujui ialah 31hb. Disember 1991.

Kerja pembinaan telah dilewatkan oleh beberapa faktor-faktor antaranya:

- (a) Pencalonan kontraktor kecil "nominated" untuk kerja pemasangan sanitari dan bekalan air diberikan agak lewat;
- (b) Ketiadaan bekalan bar tetulang selama dua bulan;
- (c) Penamatan kerja oleh kontraktor kecil domestik untuk kerja acuan selepas pertikaian yang berkaitan dengan kegagalan Syarikat ABC melepaskan bayaran yang mencukupi.
- (d) Arahan daripada Arkitek untuk meningkatkan kualiti kemasan ke tandas-tandas.
- (e) Penemuan batu besar yang memerlukan pemecahan dengan bahan peledak.

...2/-

4. (a) Berikan perbezaan di antara "gantirugi yang ditaksirkan" (liquidated and ascertained damages) daripada "penalti".
- (b) Terangkan bagaimana hak-hak majikan untuk mengenakan gantirugi yang ditaksirkan boleh dilindungi dalam kes-kes di mana Borang Kontrak Binaan PAM digunakan.

(100 markah)

5. Dalam sesuatu kontrak untuk membina sebuah sekolah yang berasaskan Borang Kontrak Binaan PAM (dengan kuantiti), pihak Kontraktor telah diberikan arahan-arahan berikut oleh Arkitek:

- (a) menambahkan panjangnya bangunan sebanyak 6 m.
- (b) menukar rekabentuk bumbung daripada bumbung rata konkrit kepada kekuda kayu dengan genting konkrit.
- (c) meruntuhkan beberapa dinding yang telah siap dibina dan mendirikan dinding baru mengikut pelan-pelan baru.

Selain daripada item-item peruntukan dinding dan kekuda kayu, kadar-kadar untuk semua item yang terlibat dalam pindaan ini sedia ada dalam Bil-Bil Kuantiti.

Selepas kerja pindaan ini telah siap dijalankan, kontraktor menyerahkan tuntutan untuk arahan pindaan ini.

Juruukur bahan telah menjumpai agihan tuntutan kontraktor tidak mengikut kadar-kadar dalam Bil-Bil Kuantiti. Kontraktor juga menuntut untuk pembayaran kembali kos belanjawan tambahan yang berbangkit daripada arahan-arahan ini.

Nasihatkan Majikan bagaimana tuntutan untuk arahan pindaan-pindaan ini harus dinilai. Berikan juga pandangan anda sama ada tuntutan untuk pembayaran kembali kos belanjawan tambahan boleh dibenarkan.

(100 markah)